

## Pelajar Orang Asli buktikan kemampuan

**KUANTAN** – “Saya mahu buktikan suku kaum kami juga tidak dipinggirkan dan boleh berjaya dalam pelajaran,” kata Maslinda Samad, 19, dari Suku Kaum Semai Pahang itu yang berjaya melanjutkan pelajaran di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Maslinda adalah Orang Asli dari kaum itu yang pertama berjaya ke universiti selepas berjaya memperoleh 3 B

dan 1 C dalam peperiksaan sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) tahun lalu.

“Saya bertuah kerana mempunyai rakan yang banyak membantu dan mereka memberi semangat untuk saya menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi,” katanya yang bercita-cita menjadi pensyarah.

Katanya, dia tidak pernah malu bergelar Orang Asli

malah sentiasa bangga kerana mereka juga mendapat keistimewaan sama dari kerajaan dan kini bersedia untuk memulakan pengajian di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Pengurusan Teknologi dalam bidang Kejuruteraan Pengurusan Projek.

Rakannya, Norashidah Suboh dari suku kaum Temuan, Selangor juga bertuah kerana dipilih mengikuti pengajian di-

ploma dalam bidang sama.

Anak kelima dari enam beradik itu mahu mengikut jejak langkah empat kakaknya yang berjaya melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

“Saya menjadikan kakak sebagai idola kerana mereka semua berjaya dalam pelajaran,” katanya yang bercita-cita menjadi jurutera.

Norashidah memberitahu,



**NORASHIDAH SUBOH**

kakaknya sentiasa bercerita mengenai kehidupan mahasiswa di kampus dan daripada situ



**MASLINDA SAMAD**

ia menjadi pembakar semangat untuk dia meneruskan pelajaran di UMP.